

CNS7004

R GB 15-01 00145 BA328

bah

Mahathir - Sifir

KELEMAHAN MINDA MATEMATIK GAGALKAN USAHAWAN, MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata antara faktor yang menjejaskan kejayaan usahawan ialah kelemahan minda matematik.

Katanya kelemahan itu tidak boleh diatasi hanya dengan menekan butang alat pengira.

"Kita perlu tahu asas pengiraan supaya kita faham pengiraan yang dibuat oleh alat berkenaan dalam memberi jawapan kepada kita. Kelebihan yang ada pada alat berkenaan ialah kepantasannya membuat kira-kira," katanya ketika melancarkan Program Bijak Sifir di Dataran Merdeka di sini.

Dr Mahathir berkata pelajaran matematik bukan setakat satu mata pelajaran wajib di peringkat persekolahan formal, malah merupakan ilmu asas bagi bidang-bidang profesional seperti perakaunan, pelaburan, perdagangan dan keusahawanan.

Katanya bidang-bidang itu memerlukan bukan sahaja minda matematik tetapi juga kemahiran menganalisis yang tajam. -- Lagi.

♥15/01/12-23MST

CNS7005

R GB 15-01 00117 BA329

bah

Mahathir - Sifir 2 Kuala Lumpur

Langkah Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran matematik di sekolah rendah adalah baik dan wajar, kata beliau.

"Antara tindakan dan perubahan yang perlu dilakukan ialah guru-guru yang mengajar matematik harus diwajibkan mempunyai pengetahuan mengenainya. Dengan minat dan pengetahuan yang ada, barulah guru tersebut boleh mengajar dengan berkesan kepada murid-muridnya," tambah beliau.

Katanya mereka juga perlu dibekalkan dengan alat mengajar yang terkini, canggih dan berkesan.

Di samping itu katanya pendekatan pembelajaran perlulah menyeronokkan dan tidak membosankan.

"Ia juga perlu dikaitkan dengan kehidupan harian kita, supaya ia mudah difahami dan relevan kepada diri kita," kata beliau. -- Lagi.

♥15/01/12-24MST

CNS7006

R GB 15-01 00167 BA330

bah

Mahathir - Sifir 3 Kuala Lumpur

Program "Bijak Sifir" merupakan pertandingan/ujian kemahiran matematik di kalangan murid Tahun 5 di seluruh negara. Ia dianjurkan bersama oleh Amanah Saham Nasional Berhad dan Kementerian Pendidikan.

Pertandingan ini bertujuan meningkatkan kemahiran matematik di kalangan murid-murid sekolah rendah di samping menguji keupayaan mental berasaskan konsep congkak.

Sebanyak 84 buah sekolah rendah di seluruh negara dipilih untuk mengambil bahagian yang melibatkan enam sekolah di setiap negeri.

Sebelum itu Dr Mahathir dan semua tetamu jemputan menjalani latihan senamrobik bersama murid-murid sekolah selama lebih setengah jam.

Dr Mahathir berkata tema "Cerdas Cergas" bagi program itu adalah tepat sekali kerana mempunyai keupayaan mental dan fizikal yang sihat merupakan antara ciri-ciri penting untuk menghadapi pelbagai cabaran dalam membangunkan negara.

"Daripada segi pendidikan, kita mempunyai tanggungjawab untuk membentuk semangat yang sesuai di samping memberi keutamaan kepada faktor-faktor yang difikirkan dapat menampung meningkatkan kepintaran berfikir dalam konteks sains, matematik dan teknologi," kata beliau. -- Lagi.

▼15/01/12-36MST

CNS7007

R GB 15-01 00149 BA331

bah

Mahathir - Sifir 4 (akhir) Kuala Lumpur

Pengerusi ASNB, Tun Ismail Mohamed Ali dalam ucapannya berkata program "Bijak Sifir" juga memberi penekanan kepada kebolehan menyelesaikan masalah matematik secara congkak tanpa menggunakan kertas dan alat kira.

"Ia menuji bukan sahaja kemahiran matematik tetapi juga kemahiran menghafal sifir dan sistem metrik", kata beliau.

Katanya program itu sebahagian daripada program jangka panjang Permodalan Nasional Berhad meningkatkan kemahiran pembelajaran khususnya tentang pelaburan.

Beliau berkata di samping itu PNB juga bercadang akan menyediakan rangkaian pusat maklumat pelaburan untuk memudahkan masyarakat mendapat maklumat tentang pelaburan dan sektor korporat.

"Ini selaras dengan objektif kerajaan mewujudkan masyarakat bumiputera yang berteraskan perdagangan dan perindustrian menjelang tahun 2020," kata beliau.

Yang turut hadir pada majlis itu Menteri Pendidikan Datuk Dr Sulaiman Daud dan Menteri Belia dan Sukan, Haji Ghani Othman. -- Bernama.

MSZ NMO